

IPT berentap

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Putrajaya

Empat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mengungguli senarai finalis Anugerah Ikon Varsiti BH 2013 apabila masing-masing empat

penyertaan universiti terbabit berjaya disenaraikan pendek.

Universiti terbabit ialah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

UPSI menyenaraikan finalis bagi kategori kepemimpinan, kesukarelawan dan reka cipta

ANUGERAH
IKON
VARSITI BH

INFO

Jumlah Penyertaan
Finalis Ikon Varsiti

Universiti Jumlah

UPSI	4
UPM	4
UMP	4
UIAM	4
USIM	3
UTM	2
UUM	2
MSU	2
UiTM	1
UTHM	1
USM	1
UniMAP	1
RMCP, UniKL	1

(dua), manakala UPM pula kategori ke pemimpinan, sukan, pengantarabangsaan dan seni budaya.

Turut mengungguli



ialah UMP menerusi kategori keusahawanan, inovasi sosial (dua) dan inovasi berkumpulan manakala finalis UIAM pula tersebarai bagi kategori kesukarelawan, pengantara-bangsaan, khidmat sosial dan seni budaya.

Finalis tunggal

Selain itu, kehebatan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) turut menyerlah apabila berjaya menyenaraikan finalis

dalam tiga kategori iaitu inovasi (dua) dan khidmat sosial.

Tiga IPT lain ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Management & Science University (MSU) pula menyaksikan hanya dua penyertaan melepas saringan ke peringkat akhir.

Sementara itu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang sebelum ini mengungguli senarai

finalis dan memenangi empat daripada 14 kategori pada Ikon Varsiti BH edisi pertama sekadar berpuas hati dengan seorang finalis.

Penyertaan finalis tunggal juga diwakili Kolej Perubatan Diraja Perak, Universiti Kuala Lumpur, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

